

10/03/1997

Penagihan dadah masih terkawal

Fazli Arman

LANGKAWI, Ahad - Penagihan dadah di kalangan pelajar masih terkawal, walaupun ada segelintir yang didapati terbabit dalam gejala itu, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, kerajaan sentiasa mengambil tindakan termasuk mensyaratkan pelajar menjalani ujian air kencing jika mereka disyaki terbabit dalam penagihan dadah.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh membuat ujian air kencing terhadap setiap pelajar kerana kosnya tinggi," katanya selepas menghadiri taklimat Jawatankuasa Pelaksana Koridor Raya Multimedia (MSC), di sini, hari ini.

Taklimat itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pengarang dan pegawai kanan akhbar serta media elektronik tempatan.

Bagaimanapun, Najib berkata, kementeriannya tidak mempunyai rekod mengenai jumlah sebenar pelajar yang terbabit dalam penagihan dadah pada masa ini.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) mengesan sekurang-kurangnya 20,000 pelajar seluruh negara terbabit dalam penagihan dadah.

Menurutnya, MDK menubuhkan jawatankuasa khas dianggotai polis, Jabatan Penjara, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan serta pakar psikologi bagi mencari kaedah rawatan dan pemulihan paling berkesan untuk golongan itu.

Ketika ini, mereka hanya dibantu oleh guru kaunseling di sekolah tetapi kurang berkesan.

Pelajar terbabit tidak boleh ditempatkan di Pusat Serenti kerana dikhuatiri menghadapi masalah bercampur dengan pelatih dewasa.

Najib berkata, melalui jawatankuasa permuafakatan yang dianggotai polis dan Pemadam, pihaknya mengarahkan supaya pelajar yang melakukan kesalahan itu dikenakan tindakan.

Mengenai 36 pelajar di Muar yang ditahan polis kerana disyaki terbabit dalam penyalahgunaan serta pengedaran dadah, beliau berkata, mereka tidak dikenakan sebarang tindakan disiplin.

Ini berikutan siasatan mendapati mereka tidak bersalah, manakala hasil ujian air kencing pula negatif.

Menurutnya, semua pelajar terbabit termasuk beberapa perempuan hanya disyaki terbabit kerana ada seorang daripada mereka menyatakan sesuatu mengenai perkara itu.

(END)